



Kembara ASEAN bantu madrasah di Filipina

Berita dan foto oleh: NUR NAJWA FARHANA SAHADAN

Seramai 13 orang mahasiswa dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan dua staf menyertai program Pengembaraan ASEAN di bumi Manila, Filipina pada 12 Oktober 2015 yang lalu.

Program dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMP itu bermula dengan kunjungan mahasiswa melawat *Golden Mosque Cultural Centre* yang terletak di Quiapo yang mempunyai lebih 1,000 penduduk muslim. Pada kesempatan ini mahasiswa berpeluang bermesra dengan masyarakat di sini di samping menghulurkan sumbangan kepada madrasah dan masyarakat Islam di Filipina.

Pengarah Program, NoorHafizah Zainal Abidin dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, mahasiswa dapat menyaksikan sendiri budaya masyarakat di sini dan membuka minda tentang budaya masyarakat di luar negara.

“Sumbangan juga dihulurkan kepada pihak Madrasah Darussalam Lilbanat, Taguing City yang terletak di pertengahan perkampungan Islam di Maharlika Village. Madrasah ini menempatkan hanya seramai 30 orang pelajar perempuan yang ingin menghafal Al-Quran dan

mempelajari bahasa Arab,” katanya.

Pengasas madrasah, Apipah Balindong Alioden berkata, mereka sangat berbesar hati menerima kunjungan daripada mahasiswa UMP dan gembira menerima sumbangan yang dihulurkan.

Selain itu, pihaknya mengharapkan agar mahasiswa universiti dapat membantu usaha madrasah dalam meningkatkan tahap pembelajaran dan kehidupan anak-anak di madrasah ini.

Dalam masa yang sama, sukarelawan UMP turut menghulurkan bantuan dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan pemeriksaan percuma kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, mereka juga berpeluang melawat Far Eastern University (FEU) yang terletak di tengah-tengah bandar Manila. Pengalaman bertemu mahasiswa di FEU memberikan mereka peluang bertukar-tukar idea, budaya dan pandangan berkaitan universiti masing-masing. Begitu juga dengan program ‘FEU TOUR’ turut dijalankan bagi melawat sekitar FEU dan diketuai oleh dua orang pelajar daripada ‘*Institute Tourism*’ untuk mewartawakan sekitar universiti.

Manakala peluang mengenal tempat-tempat bersejarah di sekitar Filipina pastinya meninggalkan kenangan antaranya Pako Park, The Fort Strip dan National Museum yang menceritakan kisah Jose Rizal iaitu pejuang yang amat popular dalam kalangan masyarakat setempat dengan sejarahnya.

Turut hadir sepanjang pengembaraan adalah staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Rozana Sahadan dan staf Pusat Kesihatan, Normayati Mohamad dan Nor Hasniza Hamzah.